

06 APRIL 2018

## Sindiket proses RM10.46j tumpas



MAZLAN LAZIM menunjukkan dadah yang dirampas pasukan polis dalam sidang akhbar Ibu pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

## Sindiket proses dadah RM10.46j tumpas

**KUALA LUMPUR 5 April** - Kegiatan sindiket memproses dadah jenis methamphetamine atau syabu yang berselindung di sebalik premis barang lusuh ditumpas apabila diserbu dan merampas dadah tersebut bernilai RM10.46 juta pada 1 April lalu.

Serbu oleh Bahagian Siasatan Jenayah dengan bantuan Bahagian Narkotik Daerah Brickfields di Taman Gembira, Brickfields di sini melibatkan rampasan dengan nilai dadah terbesar sejak awal tahun ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, polis menahan seorang lelaki berumur 27 tahun yang positif methamphetamine dan berada di makmal terbabit serta direman di bawah Seksyen 117 Kanun Keseksaan bermula 2 hingga 8 April ini bagi membantu siasatan.

Menurut beliau, hasil siasatan mendapati sindiket itu menjadi pengedar utama di Kuala Lumpur dan Lembah Klang dengan makmal yang dilengkapi lapan bahagian peringkat pemprosesan menghasilkan da-



**Suspek yang ditahan itu dipercayai adalah pekerja dan bukannya dalang. Kami sedang memburu beberapa lagi suspek yang sudah dikenal pasti terlibat dengan kegiatan tersebut."**

**MAZLAN LAZIM**  
Ketua Polis Kuala Lumpur

dadah tersebut.

Beliau berkata, makmal yang beroperasi sejak lima bulan lalu menghasilkan dadah berkualiti tinggi dan dijual pada harga RM70,000 sekilogram.

"Oleh kerana harganya yang mahal, dadah jenis methamphetamine banyak digunakan oleh golongan berada.

"Suspek yang ditahan itu

dipercayai adalah pekerja dan bukannya dalang. Kami sedang memburu beberapa lagi suspek yang sudah dikenal pasti terlibat dengan kegiatan tersebut," katanya pada sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) di sini hari ini.

Mazlan memberitahu, selain methamphetamine seberat 77.41 kilogram (kg) turut dirampas dalam serbu itu ialah serbuk ephedrine seberat 125.95 kg dan pelbagai jenis bahan kimia seperti alkohol, iso propyl, toluene serta methanol.

"Kami masih lagi menyiasat sama ada sindiket terbabit ada kaitan dengan kegiatan kongsi gelap. Kes itu disiasat di bawah Seksyen 79B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan," ujarnya.

Sementara itu, Mazlan enggan mengulas mengenai kes Ketua Bahagian UMNO Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar yang ditahan dalam serbu di sebuah pusat hiburan di ibu negara awal pagi Isnin lalu.